

21/02/2003

Insentif sesuai buat Hafiz: PM

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, Muhammad Hafiz Hashim, yang berjaya menamatkan kemarau 37 tahun Malaysia apabila muncul juara perseorangan badminton All England di Birmingham baru-baru ini akan diberi

insentif sesuai yang tidak akan merosakkannya.

Perdana Menteri berkata nasihatnya sebelum ini supaya Hafiz tidak terlalu dimanjakan dengan insentif yang berlebihan, bukan sekali-kali bermaksud untuk tidak menghargai kejayaan pemain berusia 20 tahun itu.

"Kita berasa bangga kerana dia telah bermain dalam satu pertandingan yang pada mulanya nampak seolah-olah dia akan kalah. Dia ketinggalan dan pihak lawannya sudah sampai ke mata 14.

"Tetapi dia, dengan ketabahannya, dapat kejar dan kemudiannya mengalahkan lawan," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno ibu pejabat parti itu, Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di ibu negara.

Sambil mengucapkan tahniah bagi pihak Umno, Dr Mahathir berkata semangat

juang Hafiz itu perlu menjadi contoh kepada anak-anak muda Malaysia.

"Ini supaya mereka tidak mudah kecewa dan mengaku kalah agak awal tetapi

(sebaliknya) sanggup, orang Kedah kata, pulun sampai menang," katanya.

Dalam perlawanan akhir kejuaraan paling berprestij dalam arena badminton

itu di Birmingham pada Ahad lalu, Hafiz menewaskan pilihan pertama yang juga juara bertahan, Chen Hong dari China dengan 17-14, 15-10.

Sebelum ini, Dr Mahathir meminta pihak tertentu tidak terlalu memanjakan

Hafiz dengan memberi banyak sangat ganjaran dan berharap negeri-negeri tidak beri tanah dan duit yang terlalu banyak.

Kejayaan Muhammad Hafiz menyusuli kehebatan Tan Aik Huang yang menewaskan pemain Jepun, H Akiyama pada 1966. Kali terakhir Malaysia merayakan kejayaan All England adalah menerusi gandingan beregu adik beradik, Razif-Jalani Sidek pada 1982.

Pemain badminton negara sebelum ini pernah diberikan pelbagai insentif termasuk ganjaran tanah, rumah dan wang ringgit sebagai menghargai kejayaan mereka. Tetapi galakan berkenaan dikatakan melekakan pemain sehingga gagal menunjukkan prestasi lebih cemerlang selepas itu.